



MEMO
JABATAN AUDIT DALAM NEGERI SABAH
BAHAGIAN OPERASI



Rujukan : JAD.100-4/2/1 (89)

Tarikh : 10 September 2026

Kepada : SEPERTI SENARAI EDARAN

Perkara : GARIS PANDUAN KAWALAN DALAMAN DOKUMEN DAN BAHAN
PEMBENTANGAN EXIT CONFERENCE

Tuan/Puan,

Dengan hormatnya, saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Adalah dimaklumkan Garis Panduan ini bertujuan untuk menetapkan Tatacara Kawalan dan Pengedaran Dokumen, Slaid Pembentangan, serta dapatan Audit semasa Exit Conference bagi memelihara kerahsiaan maklumat dan mengelakkan kebocoran maklumat Audit kepada pihak yang tidak berkaitan.

i. **TATACARA KAWALAN SEBELUM MESYUARAT**

- a. Slaid **TIDAK BOLEH** dihantar awal menerusi e-mel atau salinan cetak (hardcopy) kepada semua jemputan mesyuarat.
- b. Slaid hendaklah berstatus **SULIT**.

ii. **TATACARA KAWALAN SEMASA MESYUARAT (EXIT CONFERENCE)**

- a. Pembentangan Slaid:
 - Slaid terperinci dipaparkan secara visual semasa mesyuarat untuk tujuan perbincangan dan pengesahan dapatan semata-mata.
- b. Edaran Salinan Cetak (Hardcopy)/ Digital:
 - **DILARANG** mengedarkan keseluruhan set Slaid atau Laporan Penuh kepada ahli mesyuarat.
 - Salinan cetak terperinci (jika ada) **HANYA** diserahkan kepada Pegawai Pengawal atau Ketua Jabatan.
 - Wakil Rasmi Bahagian yang diaudit hanya menerima salinan cetak yang berkaitan dengan perkara yang diaudit sahaja.

2/...

“SABAH MAJU JAYA”
“Audit Berkualiti dan Profesional”



Rujukan : JAD.100-4/2/1 (89)
Tarikh : 10 September 2026

**GARIS PANDUAN KAWALAN DALAMAN DOKUMEN DAN BAHAN PEMBENTANGAN
EXIT CONFERENCE**


- iii. **TATACARA KAWALAN SELEPAS MESYUARAT**
- a. Penghantaran salinan softcopy slaid penuh **TIDAK DIBENARKAN.**

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(ANNE @ JANET VENANTIUS C.A(M))
Pengarah

fnh

"SABAH MAJU JAYA"
"Audit Berkualiti dan Profesional"



SENARAI EDARAN

1. **BPKJ 1**
2. **BPKJ 2**
3. **BPKJ 3**
4. **BPKJ 4 (UNIT 1)**
5. **BPKJ 4 (UNIT 2)**
6. **UNIT PRESTASI**
7. **UNIT KHAS**
8. **UNIT PBT**
9. **UNIT BADAN-BADAN BERKANUN DAN GLC**
10. **UPPJ**